



JABATAN PERKHIDMATAN
PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR
(KeTTHA)

LAPORAN TAHUNAN 2016

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN



Isi Kandungan

Perkara	Muka Surat
Perutusan Ketua Pengarah	1
Visi	3
Misi	3
Objektif	3
Piagam Pelanggan	4
Latar Belakang	5
Fungsi-fungsi	7
Carta Organisasi	8
Pencapaian Perbelanjaan Keseluruhan JPP 2016	9
Prestasi Perbelanjaan Mengurus JPP 2016	12
Pelaksanaan Projek JPP 2016	14
Pelaksanaan Kursus Dan Latihan Teknikal JPP 2016	18
Pengurusan Aduan JPP 2016	21
Lampiran	
• Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPP 2016	23
• Aktiviti Projek JPP 2016	26
• Aktiviti Surau JPP 2016	33
• Aktiviti AKRAB JPP 2016	38

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera & Salam Negaraku.

Alhamdulillah, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) bagi tahun 2016 ini dapat diterbitkan. Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan Laporan Tahunan ini.

Sepertimana yang diperincikan di dalam Laporan Tahunan ini, JPP adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air yang bertanggungjawab di dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur pembetungan Negara serta mengurus aset Pembetungan Kerajaan. Justeru, komitmen utama jabatan ini adalah memastikan semua pelaksanaan pembangunan yang dilaksanakan berkualiti tinggi dan selaras dengan perkembangan teknologi terkini di dalam bidang ini.

Mengimbas kembali prestasi Jabatan, sehingga 31 Disember 2016, JPP telah menerima peruntukan daripada kementerian pelanggan sebanyak RM 1.557 bilion bagi melaksanakan 76 projek sambungan RMKe-10 dan projek baru RMKe-11. JPP telah menyiapkan 18 (24%) daripada 76 projek berkenaan siap dilaksanakan dan telah membelanjakan RM1.449 billion (93%) peruntukan yang telah disalurkan. Baki sebanyak 58 projek (76%) adalah masih dalam peringkat pra-tender dan kerja-kerja perlaksanaan. Saya berharap Jabatan ini berupaya menyiapkan kesemua baki projek dengan cemerlang, selaras dengan motto JPP iaitu Peneraju Prasarana Pembetungan Negara.

Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas di atas komitmen padu yang telah diberikan oleh semua warga jabatan ini dalam memastikan JPP masih relevan dalam melaksanakan projek pembangunan berkualiti dan memenuhi piawai yang telah digariskan di dalam kontrak. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada semua

yang terlibat dalam mengaturkan pelbagai program dan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2016. Kesemua program yang diatur telah berjaya memberi nilai tambah dalam meningkatkan prestasi pegawai serta jabatan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada warga yang telah berjaya menempa nama atau mencapai kejayaan sama ada di peringkat peribadi, Jabatan, Kementerian, Negeri ataupun di peringkat Kebangsaan. Saya berharap agar usaha seperti ini diteruskan secara konsisten dan sentiasa mengambil peluang untuk mencabar kemampuan masing-masing dalam mencapai tahap yang lebih baik pada masa akan datang.



DATO' SRI IR. DR. ZULLKEFLE BIN NORDIN

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

PROFIL JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Misi

“Komited dalam membangun infrastruktur sistem pembetungan ke tahap piawaian antarabangsa.”

Visi

“Sebagai jabatan teknikal yang terunggul dalam menyediakan fasiliti pembetungan yang modern untuk melindungi kesihatan awam yang berterusan dan memulihara sumber air negara.”

Objektif

“Memodenkan sektor pembetungan negara dengan memastikan sistem pembetungan yang bersesuaian mencapai tahap piawai kualiti effluen yang ditetapkan dan memberi keselesaan kepada pengguna.”

PIAGAM PELANGGAN

Komitmen Jabatan Perkhidmatan Pembetungan adalah menyedia dan melaksanakan projek pembetungan bagi memenuhi pembangunan negara.

Dengan ini kami memberikan komitmen bahawa;

1. Semua projek disiapkan mengikut jadual masa pembinaan iaitu :
 - Bagi projek kecil loji rawatan kumbahan yang nilainya kurang dari RM50juta, tidak melebihi 24 bulan;
 - Bagi projek loji rawatan kumbahan yang nilainya melebihi RM50 juta, tidak melebihi 36 bulan; dan
 - Bagi projek rangkaian paip, tidak melebihi 42 bulan.
2. Semua tuntutan bayaran kemajuan projek yang lengkap akan disemak dan diperakukan dalam tempoh 14 hari.
3. Maklum balas dan penjelasan terhadap setiap aduan pelaksanaan projek yang timbul adalah dalam tempoh 3 hari bekerja.

LATAR BELAKANG

Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) telah ditubuhkan pada 1 Mac 1994 setelah parlimen Malaysia meluluskan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Akta 508) dan berada di bawah Kementerian Kerajaan dan Perumahan Tempatan. Tujuan utama JPP ditubuhkan pada masa tersebut adalah untuk mengawal selia perkhidmatan dan sistem pembetungan sedia ada yang mana dikendalikan oleh sama ada pihak kerajaan atau persendirian di seluruh Negara. Sehingga kini operasi pembetungan semua Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia telah diambil alih oleh JPP kecuali PBT di Negeri Kelantan, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan PBT Pasir Gudang juga PBT di Negeri Sarawak dan Sabah.

Sementara itu, pada masa tersebut, pihak kerajaan juga telah menandatangani satu perjanjian konsesi dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) untuk mengoperasi dan menyelenggara sistem-sistem pembetungan tersebut. Di samping itu, di bawah perjanjian konsesi, IWK bertanggungjawab membangun dan menyediakan fasiliti baru bagi memenuhi permintaan semasa dan akan datang dengan mendapat pinjaman mudah dari kerajaan.

Ekoran dari kegawatan ekonomi pada tahun 1998 pada bulan Jun 2000, pihak Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan telah mengambil alih saham IWK dan tanggungjawab IWK hanya terhad kepada kerja operasi dan penyelenggaraan sahaja di samping memungut caj pembetungan. Sementara itu, mulai tahun 2001 pelaksanaan semua projek kapital pembetungan dan kerja-kerja baik pulih sistem pembetungan sedia ada melalui bajet Rancangan Malaysia (RMK) telah dipertanggungjawabkan kepada JPP termasuk memantau perbelanjaan pembangunan dan peruntukan sektor pembetungan untuk Negeri Sabah dan Sarawak (melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan).

Pada tahun 2004, JPP telah diletakkan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) atau kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Fungsi JPP sebagai badan kawal selia berakhir sepenuhnya pada 31 Disember 2007 dan diambil alih oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Sehingga kini, fungsi dan tanggungjawab baru JPP adalah tertumpu kepada pelaksanaan projek dan sebagai penasihat kepada KeTTHA di dalam isu-isu berkaitan pembetungan. Selain itu juga, di bawah peruntukan RMK sektor pembetungan kepada Sabah dan Sarawak, JPP telah dilantik sebagai penasihat teknikal pembetungan, menjalankan audit teknikal, memberi khidmat nasihat dan mengesahkan tuntutan bayaran pinjaman Kerajaan Pesekutuan dari kerajaan negeri-negeri tersebut.

Sebagai salah satu agensi teknikal kerajaan, JPP juga telah memperkuatkan sistem pengurusan dan pentadbiran dengan melakukan penyusunan dan penstrukturkan semula secara menyeluruh agar dapat mengawal selia pembangunan dan pembinaan lebih banyak projek pembetungan pada masa hadapan.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN


1. Untuk menggalakkan kelancaran pelaksanaan sistem pembetungan yang bersesuaian dan moden di seluruh negara mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Untuk menggalakkan dan membangunkan industri pembetungan agar iaanya diuruskan dengan efisien dari segi kos, teknologi dan sumber tenaga kerja.
3. Untuk melindungi kepentingan pengguna dengan memastikan perkhidmatan yang terbaik pada kos yang berpatutan.
4. Untuk memastikan pelaksanaan projek penswastaan berjaya dan memuaskan.
5. Untuk membantu pembangunan ekonomi negara melalui pembangunan sektor pembetungan yang moden dengan melindungi sumber air dan alam sekitar.



JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA,
TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR (KeTTHA)


Carta Organisasi JPP 2016

CARTA ORGANISASI JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR



Pencapaian Perbelanjaan Keseluruhan JPP 2016


Secara keseluruhan, Jumlah Perbelanjaan Wang Sumbangan Kapital Pembetungan sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:



Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan RMK-11 Tahun 2016 sebagaimana SPP II adalah seperti berikut :



Secara keseluruhan, Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Greater KL sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:



Prestasi Perbelanjaan Projek Greater KL/KV Bagi Tahun 2011-2016 adalah seperti berikut :



Prestasi Perbelanjaan Mengurus JPP 2016

Program / Aktiviti	Peruntukan Dikemaskini	Jumlah Perbelanjaan Sebenar + Tanggungan	Peratusan	Baki selepas perbelanjaan sebenar & tanggungan	
	RM	RM	%	RM	%
040100	21,457,900.00	21,230,050.34	98.94	227,849.66	1.06
010300	25,000.00	24,986.92	99.95	13.08	0.05
JUMLAH	21,482,900.00	21,255,037.26	98.94	227,862.74	1.06

Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2016

2016	
1- 7 HARI: 1798 BIL (99.78%)	
8 -10 HARI: 2 BIL	
11-14 HARI: 2 BIL	
14 HARI: 0 BIL	
RM 1,337,820,690.70	



Ringkasan Prestasi Pemprosesan Bil Bagi Tahun 2016

Jenis Hasil	Bil Resit	Jumlah
73105 - Borang Tender	284	53,050.00
11101 - Gaji Biasa Kakitangan Awam	0	66,745.42
12101 - Imbuhan Tetap Khidmat Awam		5,583.81
12102 - Imbuhan Tetap Perumahan		6,836.37
12107 - Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal		554.01
12199 - Elaun Tetap Yang Lain		6,146.72
17104 - Pemberian Khas		500.00
33209 – Pbaik Kemudahan-Talian, P’Airan, Kaw Banjir & Pbetungan	1	5,459,763.95
81101 - Terimaan Balik Bayaran Tahun Lalu	14	13,077.59
81199 – Bayaran Balik Yang Lain	1	8,391,396.63
83803 - Amanah	1	947,281.27
JUMLAH	301	14,950,935.77

Ringkasan Prestasi Hasil dan Terimaan Bagi Tahun 2016

Pelaksanaan Projek JPP 2016

Secara Keseluruhan, Pelaksanaan Projek JPP tahun 2016 boleh disenaraikan seperti berikut :

Projek Loji Rawatan Kumbahan				Projek Rangkaian Paip Pembetungan			
Senarai Projek							
Kurang dari 10 Juta	10 Juta hingga 50 Juta	50 Juta hingga 200 Juta	200 Juta ke Atas	Kurang dari 10 Juta	10 Juta hingga 50 Juta	50 Juta hingga 200 Juta	200 Juta ke Atas
Pakej B20	Langkawi STP	Tambak Laut	Pantai 2 STP	Pakej D40	Langkawi Network & Pumping Station	Bayan Baru Network	Papan Pakej 1
Pakej B23	Bukit Antarabangsa	Upper Kerayong	Bayan Baru STP	Pakej F16	17 Loji Paket 1	Tambak Laut Network	Langat Network & CSTP
Pakej B24	Pakej B27	Tampin	Bunus STP	Langkawi Fasa 3	17 Loji Paket 2	Kajang 2 Network	Pakej D43
Pakej B25	Pakej B33	Pakej B31	Batu CSTP		Pakej G08	Pakej G06	Pakej D44
	Pakej B34	Pakej B32			Si Rusa	Pakej G07	Pakej D47
	Pakej B35				Kota Bahru	Pakej D46	Pakej D49
	Pakej B36				Alor Gajah	Pakej D48	Pakej D52
	Pakej B37					Pakej D54	
						Pakej D55	

**SENARAI PROJEK BARU DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-11
(RMK11) BAGI TAHUN 2016**

BIL	NAMA PROJEK
CARA LANGSUNG	
1.	PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN
2.	PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI BANDAR KUANTAN, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
3.	LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI KG CHERATING, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
4.	PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI ASSAM KUMBANG, TAIPING, PERAK DARUL RIDUAN
5.	KAJIAN SEMULA STRATEGI PEMBETUNGAN UNTUK BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR
6.	CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM PEMBETUNGAN DI CLAN JETTY, PULAU PINANG.

PINJAMAN	
1.	CADANGAN KAJIAN DAN REKABENTUK TERPERINCI BAGI DAERAH KINARUT, KIMANIS, TUNGKU, SIKUATI, KINABATANGAN, NABAWAN, TELUPID, BALUNG DAN LAIN-LAIN DI NEGERI SABAH
2.	SKIM PEMBETUNGAN TAMBUNAN FASA 1
3.	LOJI RAWATAN KUMBAHAN SERANTAU DAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI KOTA KINABALU FASA 1
4.	SKIM PEMBETUNGAN BERSEPADU KUCHING (ZON 1 PAKEJ 2)
5.	LOJI RAWATAN ENAPCEMAR SARIKEI BINTANGOR
6.	KAJIAN PELAN INDUK SISTEM PENGURUSAN AIR SISA SAMARAHAN
7.	KAJIAN PELAN INDUK SISTEM PENGURUSAN AIR SISA MUKAH
8.	KAJIAN PELAN INDUK SISTEM PENGURUSAN AIR SISA SARIKEI, BINTANGOR
9.	LOJI RAWATAN ENAPCEMAR SRI AMAN DAN BETONG
10.	LOJI RAWATAN ENAPCEMAR KAPIT
11.	LOJI RAWATAN ENAPCEMAR LIMBANG

**SENARAI PERMOHONAN PEMBIAYAAN YANG TELAH DILULUSKAN DI
BAWAH WANG SUMBANGAN KAPITAL PEMBETUNGAN (SCC)
BAGI TAHUN 2016**

BIL	TUJUAN PEMBIAYAAN
1.	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN TAPAK-TAPAK LOJI RAWATAN KUMBAHAN YANG TELAH DIRASIONALISASI
2.	PROJEK PENYAMBUNGAN PREMIS KE PAIP PEMBETUNGAN UTAMA DI SELURUH MALAYSIA
3.	BAYARAN BALIK KEPADA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI, PULAU PINANG BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LOJI SPI 103, TAMAN SELAMAT, PULAU PINANG
4.	KERJA-KERJA PEMASANGAN PAGAR TAPAK TANAH REZAB JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
5.	PERSIDANGAN IWA WORLD WATER CONGRESS & EXHIBITION 2015 DI BRISBANE, AUSTRALIA
6.	CADANGAN PENGAMBILAN TANAH UNTUK MAKSUD AWAM DI BAWAH SEKSYEN 3(1) (A) AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 BAGI MEMBINA LOJI ENAPCEMAR, DAERAH KUALA LANGAT, MUKIM BANDAR SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN
7.	KERJA PEMULIHAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN AWAM SEDIADA DI PERSIARAN DARA, BANDAR MUADZAM SHAH, PAHANG DARUL MAKMUR
8.	CADANGAN PENGURUSAN OPERASI KEMUDAHAN ATAS TANAH (ABOVE GROUND FACILITIES) PANTAI STP 2

Pelaksanaan Kursus & Latihan Teknikal JPP 2016

Pembentangan program seminar, kursus dan latihan teknikal kepada semua peringkat pegawai dan kakitangan JPP adalah di bawah peruntukan Belanja Mengurus (Program Pembangunan, Latihan dan Kemahiran) iaitu sebanyak RM50,000.00 dan peruntukan dari KeTTHA pula adalah sebanyak RM 25,000.00 bagi tahun 2016.

Terdapat juga kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi-agensi luar yang dihadiri oleh pegawai dan kakitangan setelah mendapat kebenaran dan kelulusan dari Ketua Jabatan. Sebanyak 4 kursus (fungsional), 17 seminar (fungsional) yang telah dianjurkan pada tahun 2016. Kursus/bengkel dan seminar/taklimat yang dianjurkan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran kerja dan pengetahuan setiap pegawai dan kakitangan Jabatan.

BIL	TAJUK	TARIKH DILAKSANAKAN	PERUNTUKAN (RM)
KURSUS (FUNGSIONAL) – TELAH DILAKSANAKAN			
1.	Kursus Pentadbiran Kontrak	7-9 Mac 2016	14,148.00
2.	Kursus Penilaian Tender (Siri 2)	13 & 14 April 2016	4,075.60
3.	Pengenalan Kepada Loji Rawatan Kumbahan Dan Rangkaian Paip Pembetungan (Introduction To STP & Sewer Network)	21 – 22 September 2016	-
4.	Kursus Bayaran Interim	10 – 12 Oktober 2016	5,355.00

Senarai Pelaksanaan Kursus (Fungsional) 2016

Bil	Tajuk Taklimat/Seminar/Bengkel	Tempat	Tarikh	Masa
1.	<i>Introduction to Pump Basic & Mechanical Seals and Impellers Type</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	25 April 2016	3.00 pm - 5.00 pm
2.	<i>Hach RTC (Real Time Control)</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	15 Julai 2016	3.00 pm - 5.00 pm
3.	<i>Ge Water MBR – Technical & Operational Fundamental</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	22 Julai 2016	3.00 pm - 5.00 pm
4.	<i>Val - Matic (USA) Plug Valve, Flex Check & Air Valve</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	29 Julai 2016	3.00 pm - 5.00 pm
5.	<i>Odour Control System</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	4 Ogos 2016	3.00 pm - 5.00 pm
6.	<i>Membrane Technology</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	5 Ogos 2016	3.00 pm - 5.00 pm
7.	<i>Energy Saving On Major Equipment & Efficient Aerator System</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	12 Ogos 2016	3.00 pm - 5.00 pm
8.	<i>Pipe Rehabilitation Technology</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	2 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm
9.	<i>Pumps Technology</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	9 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm
10.	<i>Economy Membrane BioReactor System</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	23 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm

Senarai Pelaksanaan Seminar/ Taklimat (Fungsional) 2016

Bil	Tajuk Taklimat/Seminar/Bengkel	Tempat	Tarikh	Masa
11.	Lawatan Tapak & Taklimat O & M / Rekabentuk	Bilik Auditorium, Pantai 2 STP	27 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm
12.	Lawatan ke Kilang Sunway VCP Sdn. Bhd.	Kilang Sunway VCP Sdn Bhd di Kapar, Klang	28 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm
13.	<i>Digester Gas System & Renewable Energy</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	30 September 2016	3.00 pm - 5.00 pm
14.	<i>Sewerage Pipes Driling & Installation Technology</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	7 Oktober 2016	3.00 pm - 5.00 pm
15.	<i>Introduction For The New Design Centrifuge Decanter</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	14 Oktober 2016	3.00 pm - 5.00 pm
16.	<i>Odour Control Biorem Biofilter System Biotrickling Filter System</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	21 Oktober 2016	3.00 pm - 5.00 pm
17.	<i>Intelligent Sewerage Pump Technology</i>	Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 9, JPP	28 Oktober 2016	3.00 pm - 5.00 pm

Senarai Pelaksanaan Seminar/ Taklimat (Fungsional) 2016

Pengurusan Aduan JPP 2016

Pengurusan aduan awam untuk Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pengurusan Kompetensi & Inovasi. Bahagian ini telah memantau setiap kes aduan serta meneliti aduan yang dikemukakan kepada JPP. Setiap aduan akan dimaklumkan kepada pihak pengadu akan status terkininya dalam masa tiga hari bekerja. Sekiranya aduan berkenaan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara atau Indah Water Konsortium, ianya akan dipanjangkan mengikut keperluan Agensi terbabit untuk tindakan seterusnya. Pengurusan aduan adalah merupakan aspek penting dalam kualiti Perkhidmatan Awam. Sepanjang tahun 2016, Bahagian ini telah menerima sebanyak 23 aduan. Pengurusan aduan ini termasuk memantau dan memberi respon terhadap aduan yang disalurkan melalui surat/memo, panggilan telefon, e-mel dan akhbar.

Bahagian ini akan memastikan dan berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan aduan awam serta memuaskan hati pelanggan. Justeru itu semua pegawai dan kakitangan yang mengendalikan kes-kes aduan ini akan memberikan maklum balas berkenaan status aduan yang dibuat dengan kadar segera agar orang awam berasa selesa dan berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan.

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN	JUMLAH ADUAN			
	TERIMA	DALAM TINDAKAN	SELESAI	SELESAI (%)
Aduan Projek/Operasi	15		15	100
Aduan Lain-Lain	8		8	100
KESELURUHAN	23		23	100

LAMPIRAN

Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPP 2016

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (GRED 41 - 54)

BIL.	NAMA/JAWATAN	SEKTOR/ BAHAGIAN
1.	Alias Bin Mohamed/ Jurutera J52	Sektor Perancangan dan Pembangunan
2.	Nurazimah Binti Ramlan/ Jurutera J52 (M)	Sektor Perancangan dan Pembangunan
3.	Suraya Binti Dikar/ Jurutera J52 (M)	Sektor Konsultasi dan Khidmat Teknikal
4.	Norzarina Binti Zakaria/ Jurutera J48	Sektor Pengurusan Projek

KUMPULAN SOKONGAN (1) (GRED 27 – 38)

BIL.	NAMA/JAWATAN	SEKTOR/ BAHAGIAN
1.	Siti Rahayu Binti Syed Husin/ Penolong Jurutera Kanan J36	Sektor Pengurusan Projek
2.	Robiah Binti Husin/ Pen. Akauntan Kanan	Bahagian Khidmat Pengurusan
3.	Md. Saharil Bin Seman/ Penolong Jurutera J29	Sektor Konsultasi dan Khidmat Teknikal
4.	Norlaili Binti Sharoni/ Penolong Jurutera J29	Sektor Perancangan dan Pembangunan
5.	Ahmad Azrul Bin Naimudin/ Penolong Jurutera J29	Sektor Perancangan dan Pembangunan
6.	Khiew Po Chin/ Penolong Jurutera J29	Sektor Pengurusan Projek
7.	Malina Binti. Abang/ Penolong Jurutera J29	Sektor Pengurusan Projek

KUMPULAN SOKONGAN (1) - (GRED 17 – 26)

BIL.	NAMA/JAWATAN	SEKTOR/ BAHAGIAN
1.	Rogayah Binti Saman/ Ketua Pembantu Tadbir Gred N22	Bahagian Khidmat Pengurusan
2.	Ahmad Nazri Bin Mohamad/ Ketua Pembantu Tadbir Gred N22	Bahagian Khidmat Pengurusan

KUMPULAN SOKONGAN (2) - (GRED 1 – 16)

BIL.	NAMA/JAWATAN	SEKTOR/ BAHAGIAN
1.	Tiada	

Aktiviti Projek JPP 2016

LOJI RAWATAN KUMBAHAN PANTAI 2 STP DI BAWAH KPI MENTERI



AKTIVITI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN (O & M) DI LOJI RAWATAN KUMBAHAN PANTAI 2 STP

Aktiviti Awal Tahun 2016



Kerja penyelenggaraan 'Scrapper' di 'Clarifier'



Program 'Media Familiarization Trip'



Latihan Sistem *Electrical Low Voltage (ELV)*



Penyambungan kabel bagi pam
Return Activated Sludge (RAS)



Sesi 'toolbox' yang diadakan setiap hari



Lawatan oleh YBhg. Dato' Dr Tan
Yew Chong (TKSU,KeTTHA)

Aktiviti Pertengahan Tahun 2016



Kerja pembersihan 'Rotary Fine Screen'



Latihan Sistem 'Effluent Reuse'



Pemeriksaan peralatan oleh pegawai JKKP



Kerja penyelenggaraan bagi 'Mixer'



Penentuan 'Assembly Point'



Lawatan oleh pelajar UniTEN

Aktiviti Akhir Tahun 2016



Sesi latihan bersama pihak JPP



Lawatan oleh '*Mutiara International Grammar School*'



Program suntikan '*Thypoid*' dan '*Tetanus*' ke atas pekerja Loji



Aktiviti pensampelan efluen untuk rutin kajian makmal



Latihan kecemasan oleh pihak BOMBA



Sesi latihan '*Biogas Genset*'

AKTIVITI KEMAJUAN PEMBINAAN LANDSKAP DI PANTAI EKO PARK



Tempat letak kereta berbungkung



Pandangan atas Pantai Eco Park



Pemasangan rumput Padang Bola Sepak



Pembinaan air terjun buatan



Struktur Pusat Komuniti



Pemasangan lengkap bumbung 'tensile' gelanggang futsal

AKTIVITI KEMAJUAN PEMBINAAN LANDSKAP DI PANTAI EKO PARK



Struktur binaan 'creek bridge'



Penanaman pokok tanaman



Gelanggang futsal



Gelanggang tenis yang sudah siap dibina



Sebahagian tanaman landskap



Pemandangan dari arah selatan sebahagian Pantai Eco Park

AKTIVITI KEMAJUAN PEMBINAAN LANDSKAP DI PANTAI EKO PARK



Pemandangan dari arah utara Pantai Eco Park yang telah siap dibina



Air terjun buatan di Pantai Eco Park

Aktiviti Surau JPP 2016



**SURAU
JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

AKTIVITI SURAU JPP BAGI TAHUN 2016

Bil.	Gambar	Aktiviti
1.		Sumbangan kepada Pn. Siti Barliannaton Bte Ahmad Bagdad kerana ayah meninggal dunia pada 03 Januari 2016.
2.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 29 Januari 2016.

Bil.	Gambar	Aktiviti
3.		Sumbangan kepada En. Nordi bin Ab. Rahman kerana ibu meninggal dunia pada 09 Februari 2016.
4.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 19 Februari 2016. Bersekali dengan Mesyuarat AJK Surau JPP.
5.		Sumbangan kepada Hj. Tarmizi bin Osman kerana bapa meninggal dunia pada 05 Mac 2016.
6.		Sumbangan kepada Majlis Sekalong Budi Warga JPP pada 10 Mac 2016 di Crystal Ballroom, Aras 5, JPP.

Bil.	Gambar	Aktiviti
7.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 18 Mac 2016.
8.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 22 April 2016.
9.		Majlis Berbuka Puasa Warga JPP & Ceramah Agama di Surau JPP, Tkt. 7, Mines 2 pada 15 Jun 2016 (Rabu).
10.		Sumbangan cenderahati kepada peserta Tadarus Al Quran (muslimah) seramai 9 orang pada 30 Jun 2016 di Surau JPP.

Bil.	Gambar	Aktiviti
11.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 29 Julai 2016.
12.		Majlis Bacaan Yassin, Doa Selamat Khas Untuk YBhg. Dato' KP/JPP sebelum ke Tanah Suci Mekah di Surau JPP pada 19 Ogos 2016.
13.		Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa di Surau JPP pada 04 November 2016.
14.		Sumbangan kepada YBhg. Dato' Ir Muhammad Gadaffi bin Hussin kerana ibu meninggal dunia pada 03 November 2016.

Bil.	Gambar	Aktiviti
15.		Ziarah En. Mohd. Johari bin Abd. Rashid ditimpa kemalangan motor di Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak pada 14 November 2016
16.		Sumbangan kepada Pn. Wan Maheran bin Wan Ahmad kerana ibu meninggal dunia pada 02 Disember 2016



AKRAB
KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR

AKTIVITI AKRAB JPP 2016

Bil.	Gambar	Aktiviti
1.		<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTHA Bil. 1/2016. Bilik Mesyuarat 1, Aras 3, KeTTHA pada 04 Februari 2016. Kehadiran seramai 16 orang. Pemilihan AJK AKRAB bagi sesi 2016 - 2017</p>
2.		<p>Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB KeTTHA Bil. 1/2016. Bilik Bincang, Aras 5, BPSM KeTTHA pada 10 Mac 2016. Kehadiran seramai : 14</p>
3.		<p>Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB KeTTHA Bil. 2/2016. Bilik Bincang, Aras 5, BPSM KeTTHA pada 31 Mac 2016. Kehadiran seramai : 11</p>

Bil.	Gambar	Aktiviti
4.	 	<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTHA Bil. 2/2016.</p> <p>Bilik Mesyuarat Tkt. 8, JPP, Seri Kembangan pada 21 April 2016.</p> <p>Bersekali dengan majlis meraikan Ir. Jagjit Singh, PPAMS</p>
5.		<p>Sesi Penilaian Awal (Temuduga) untuk ahli AKRAB KeTTHA yang baru. Aktiviti berjalan di KeTTHA pada 26 April 2016 dan di JPP pada 28 April 2016.</p> <p>Seramai 35 orang telah mendaftar dari pelbagai gred (KeTTHA, JBA & JPP).</p> <p>Seramai 21 orang telah selesai mengikuti Kursus Tahap I dan Tahap II dengan jayanya dan diserap sebagai ahli AKRAB KeTTHA pada 02 Ogos 2016.</p>

Bil.	Gambar	Aktiviti
6.	 	<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTHA Bil. 3/2016.</p> <p>Bilik Latihan Tkt. 7, JPP, Seri Kembangan pada 02 Ogos 2016.</p> <p>Bersekali dengan Majlis Jamuan Hari Raya dan majlis meraikan Pn. Fauziah bt. Md. Yusof dan Pn. Khairunnisa Azira binti Talib.</p>
7.		<p>Mesyuarat AJK AKRAB KeTTHA Bil. 3/2016.</p> <p>Bilik Bincang Aras 3, KeTTHA, Putrajaya pada 18 Ogos 2016.</p>
8.		<p>Mesyuarat Ahli AKRAB KeTTHA Bil. 4/2016.</p> <p>Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, KeTTHA, Putrajaya 08 September 2016.</p> <p>Bersekali dengan Sesi Perjumpaan Bersama SUB/PSM, KeTTHA yang baru En. Ismail bin Mohd. Yusof.</p>

Bil.	Gambar	Aktiviti
9.	  	<p>Program Corporate Social Responsibility (CSR) ke PENGASIH Malaysia di Jalan Syers, Off Jalan Mahameru, Kuala Lumpur pada 20 September 2016 (Selasa).</p> <p>Seramai 23 orang ahli AKRAB KeTTHA telah mengikuti program ini.</p>